



**SEJARAH HIDUP  
USTAZ ABDUL WAHAB  
BIN HASSAN**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

22.02.2012

## **SEJARAH HIDUP USTAZ ABDUL WAHAB**

iaitu – Abdul Wahab Bin Hassan Bin Haji Abas Bin Haji Abdul Kadir.  
Berasal dari Sg.Limau, Yan , Kedah. Tel.013-4775646 Alor Setar.

Atau

Abdul Wahab Bin Tariah Binti Hassan Bin Ibrahim berasal dari  
Bandong , Pulau Jawa, Indonesia.

Atau

Ustaz Haji Abdul Wahab Bin Hassan Bin Yah Binti Yahya Bin Haji  
Ibrahim Bin Lebai Mat berasal dari Pulau Pinang

Atau

Ustaz Abdul Wahab Bin Hassan Bin Yah Binti Chah (Eshah) Binti  
Lebai Jusuh. Berasal dari Sg.Daun, Sg.Dedap, Yan, Kedah.

1926.

Ia lahir di Batu Gajah, Lumut, Perak pada 25.12..1929 didalam masa pemerintahan Inggeris (tidak ada sekolah disini). Pada tahun 1936 ia dihantar belajar di Sekolah Melayu Pengkalan Baharu, Pantai Remis, Perak. Tamat belajar darjah 5 lulus pada akhir tahun 1940. Dalam masa itu juga ia belajar sambilan di Madrasah Batu 17, Pantai Remis, Perak . Mempelajari Al-Quran, kitab-kitab Jawi dan Arab ugama dan Bahasa Arab -.iaitu di Madrasah Haji Ishak bapa saudaranya. Pada tahun 1941 ayah dan ibunya serta saudaranya Ibrahim, Ismail dan Yusuf (Jusuh) berpindah dari Batu Gajah kepada Pantai Remis dengan menjual tanah di Batu Gajah dan membeli tanah di Pantai Remis sebanyak 13 ekar atau 17 ¾ relong yang mengandungi kebun kelapa, bendang dan nipah untuk membuat atap rumah pada masa itu. Dalam tahun 1941 juga tentera Jepun menyerang Tanah Melayu dan memerintahnya (Negara huru-hara). Abdul Wahab bekerja sendiri iaitu membuat bendang tanah kepunyaan ayahnya, buka kedai runcit, membuat belat dilaut dan membuka tanah baru (rimba).

## Abdul Wahab Datang Ke Kedah

Pada tahun 1946 ia datang ke Negeri Kedah untuk mencari pelajaran dan dapat memasuki di Madrasah Taufiqiah, Batu 16, Padang Lumat, Gurun, Kedah. Guru Besarnya (Mudirnya) pada masa itu disebut dengan Pak Ya Junaid. Ia belajar selama 8 tahun lulus dan menjadi guru sementara sebentar di Madrasah. Pada tahun 1954 ia datang ke Alor Setar, Kedah dan dapat memasuki di Maktab Mahmud (Makhadil Mahmud).

Pada tahun 1957 Tanah Melayu merdeka dan diberi nama Malaysia. Perdana Menteri yang pertama ialah Tunku Abdul Rahman Putra Alhaj. Abdul Wahab belajar di Maktab Mahmud itu selama 8 tahun pula, akhirnya lulus di Bahagian Tinggi atau Class 12 pada tahun 1962. Pelajaran itu bersamaan universiti sekarang ini. Pada masa itu tidak ada sebarang Universiti di Malaysia. Ia mengajar di Maktab Mahmud itu pada tahun 1960 dan berpindah mengajar di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jenan, Jitra, Kedah pada 1.7.1963. Selepas Jenan, Sekolah Menengah Pokok Sena 1968, Sekolah Menengah Darul Aman 1970, Sekolah Asma Dua 1974 dan sekolah Menengah Tengku Sofiah Batu 2, Jalan Langgar pada tahun 1984 serta bersara pada 25.12.1984

Semasa menulis sejarah ini 2012 ia telahpun berumur 86 tahun.

### BERKAHWIN

Pada tahun 1960 Abdul Wahab berkahwin dengan seorang guru bernama Tempawan Binti Wahab bertukar dari Kota Kuala Muda, Kedah kepada Sekolah Kebangsaan Hutan Kampong, Alor Setar, Kedah pada tahun 1962 dan bersara pada tahun 1982.

### PEKERJAANNYA DISAMPING MENGAJAR

1. Menjadi Setiausaha binaan Masjid Sekolah Jenan Pada Tahun 1964.
2. Menjadi Pengerusi Penuntut Jenan semasa mengajar di Jenan

3. Menjadi setiausaha T.K.A ( Tabong Kebajikan Am ) di Sekolah Menengah Sultan Abdul Halim, Jenan – iaitu satu tabong untuk membantu murid-murid miskin Sekolah Jenan yang telah berhenti sekolah kerana kemiskinan ( Murid-murid Jenan semuanya murid-murid yang terbaik didalam Negeri Kedah).

Tabong ini berjaya mengambil semula murid-murid ini belajar disekolah Jenan tersebut sehingga pada tahun itu seramai 16 orang. Tabong ini dibiayai oleh guru-guru dan ibubapa sekolah tersebut. Akhirnya peranan ini diketahui oleh pihak Kementerian Pelajaran Malaysia dan menjemput pengetuanya Encik Ahmad Bin Salleh ke Kuala Lumpur untuk memberi keterangan lanjut. Akhirnya pihak Kementerian bersetuju mengadakan ditiap sekolah akan tabong seperti ini. Dengan menubuhkan satu badan yang diberi nama PIBG (Persatuan Iubapa Dan Guru) pada tahun berikutnya.

4. Mengajar Ugama disurau dan Masjid Taman UDA antara sembahyang maghrib dan Isya'.

5. Menjadi Pembantu Imam dan membaca khutbah di Masjid Taman UDA, Alor Setar, Kedah.

6. Menjadi Penasihat Masjid Taman UDA.

7. Menjadi Penasihat Persatuan BAKTI, Taman UDA

8. Membeli dan menduduki rumah 2920 L, Lorong 9, Taman UDA pada tahun 1977.

9. Terdapat juga jemputan dari Pejabat Ugama Negeri Kedah untuk mengajar di masjid-masjid. Jemputan ini ditolak kerana uzur.

10. Pejabat Ugama Negeri Kedah juga telah memberi Tauliah untuk mengajar di Maktab Mahmud akan pelajaran Tauhid, Fiqah dan Nahu Sorof dalam Bahasa Melayu dan Arab bertarikh 4.6.1961 Nombor 9/61.

## **KELULUSANNYA**

- 1- Mendapat Sijil Darjah 5 Sekolah Melayu Pengkalan Baharu, Pantai Remis, Perak pada tahun 1940
- 2- Mendapat Sijil Darjah 7 Sekolah Arab Taufikiyah, Padang Lumat, Gurun, Kedah pada tahun 1953.
- 3- Mendapat Sijil Darjah 12 Bahagian Tinggi Maktab Mahmud, Alor Setar, Kedah pada tahun 1962.
- 4- Mendapat Sijil SPM ( Sambilan ) pada tahun 1964.
- 5- Mendapat Sijil Bahasa Inggeris. LCE ( Sambilan ) pada tahun 1958 Sekolah Abdul Hamid Colege (class malam)

## **MENGARANG ( HOBINYA )**

### **Mengarang Buku Salasilah Keluarganya**

- 1- Salasilah Hj.Abdul Kadir  
Yang berasal dari Sg.Limau, Kedah.
- 2- Salasilah Ibrahim  
Yang berasal dari Jawa, Bandung, Indonesia.
- 3- Salasilah Lebai Jusuh  
Yang berasal dari Sg.Daun, Sg.Dedap, Yan, Kedah.
- 4- Salasilah Lebai Mat  
Yang berasal dari Pulau Pinang
- 5- Salasilah Hj.Ibrahim  
Yang berasal dari Pantai Remis, Perak.

## **Salasilah Keluarga Isteri**

- 1- Salasilah Arshad  
Berasal dari Alor Setar, Kedah
- 2- Salasilah Setu  
Berasal dari Alor Setar juga

## **MEMBUAT BUKU-BUKU RISALAH**

- 1- Membuat Buku Risalah Hikmah.  
Yang mengandungi berbagai-bagai perubatan dari doa-doa, ayat-  
Ayat Quran (Jawi) setebal 100 mukasurat (Kertas fotostat) untuk  
Orang ramai.
- 2- Mengarang sebuah buku tauhid  
Yang diberi nama Tauhid Pemuda Pemudi (Rumi) dicetak dan di-  
jual.
- 3- Mengarang risalah-risalah kecil untuk orang ramai difotostat dan  
di beri percuma.
- 4- Mengarang Khutbah Jumaat untuk dibaca di Masjid Rafiah,  
Taman UDA, Alor Setar, Kedah.
- 5- Mengarang risalah-risalah Uagama untuk anak-anak dan orang  
ramai- yang jauh dihantar dengan cara pos supaya mereka  
mengetahui pelajaran uagama lebih jauh lagi.
- 6- Mengarang Salasilah Keluarga dan risalah Hikmah memakan  
Masa lebih kurang 30 tahun - Dengan melawati seluruh  
Malaysia dari Perlis hingga ke Singapura.